

Malaysia maju jika rakyat kerja kuat

Daripada HANIFF HADI

NEW YORK, Khamis — Cara Malaysia mencapai kemajuan mungkin tidak dapat memenuhi kehendak dan persetujuan semua pihak tetapi itu adalah pilihan kita, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap di majlis makan tengah hari anjuran 'The Asia Society' di sini semalam, beliau berkata, jika ada sesuatu yang dinamakan hak asasi manusia, biarlah ia meliputi hak rakyat Malaysia menentukan cara memajukan negara.

"Dengan kerja kuat, saya percaya kita akan berjaya walaupun menghadapi cabaran luar. Kita tidak memerlukan golongan yang cuba menjajah walaupun kita sudah merdeka.

"Ada banyak cara untuk mencapai kejayaan. Model untuk semua tujuan tidak sesuai bagi kita. Kita harap golongan tertentu tidak akan menggunakan pelbagai isu seperti hak asasi dan alam sekitar untuk menjajah politik dan ekonomi negara kita," katanya.

Beliau berkata, lebih dari satu dekad, Malaysia memilih untuk menumpukan pembangunan ekonomi dan mengurangkan politik dan hasilnya sudah mula dilihat.

Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi 6.8 peratus dalam tempoh dua dekad lalu walaupun negara menghadapi pelbagai masalah berbanding negara lain seperti Korea,

katanya.

"Di Malaysia, kita begitu bersungguh-sungguh memelihara kestabilan politik untuk mencapai pertumbuhan ekonomi. Kerana itulah, sistem politik di Malaysia berlainan kerana ia dibentuk untuk memastikan satu sistem kerjasama," katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan sentiasa membantu golongan Bumiputera dengan mewujudkan program menyeluruh yang dipanggil 'Dasar Ekonomi Baru'.

Dasar ini, katanya, menyebabkan kerajaan menghadapi pelbagai kritikan termasuk dianggap mengamalkan perkauman dan diskriminasi.

"Bagaimanapun, parti-parti dalam kerajaan tetap utuh walaupun menerima kritikan di dalam dan luar negara. Ia adalah eksperimen berani ke arah membetulkan kedudukan sosioekonomi negara.

"Apabila saya menjadi Perdana Menteri pada 1981, 'Dasar Ekonomi Baru' mencapai sepertiga matlamatnya. Pelbagai rancangan dilakukan termasuk 'Dasar Pandang Ke Timur', persyarikatan Malaysia serta menumpukan industri berat," katanya.

Sebelum itu, ketika menghadiri sidang kumpulan perunding sektor swasta Malaysia-Amerika Syarikat di tempat yang sama, Perdana Menteri berkata, beliau berharap per kumpulan itu akan meneruskan usaha meningkatkan interaksi ekonomi di antara

kedua-dua negara.

Menurutnya, ramai usahawan Amerika kurang pengetahuan dan maklumat mengenai Malaysia dan jika ada ia adalah menerusi buku dan majalah yang kerap memberi gambaran yang saiah.

"Ada buku mengatakan Malaysia tidak sesuai untuk menanam modal. Kerajaan Malaysia mengamalkan rasuah. Ini menyebabkan Malaysia mengalami publisiti negatif dan hanya mereka yang pernah berkunjung saja yang tahu hal sebenar.

"Kerana itu, saya berharap kumpulan ini akan lebih cerias dalam usahanya menggalakkan lebih banyak penyertaan Amerika dalam ekonomi Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa membuka pintunya kepada usahawan asing kerana menjadi hasrat Malaysia mempelbagai rakan dagang.

'Ekonomi Malaysia, katanya, adalah baik kerana Malaysia mengamalkan dasar pragmatik dan sentiasa berminat memberikan kehidupan selesa kepada rakyatnya.

"Kerana itu kita menumpukan soal-soal ekonomi dan tidak kepada ideologi. Kita menolak ideologi komunis dan sosialis dulu lagi dan kerana itu kita maju dengan pantas," katanya.

Katanya, pada 1990, usahawan Amerika menanam modal \$15 bilion di Malaysia dan Malaysia akan cuba menarik banyak lagi modal dengan bersifat lebih fleksibel.